

**Pengarah JAIS ditukar jabatan  
Malaysiakini.com  
Disember 23, 2010**

Di balik segala kontroversi dan kritikan bertubi-tubi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Datuk Mohammed Khusrin Munawi akhirnya akan menamatkan tugasnya bulan depan di institusi itu.

Menurut sumber-sumber dalaman jabatan bawah Majlis Agama Islam Selangor itu, Mohammed Khusrin akan ditukarkan ke jabatan negeri lain yang belum dapat dipastikan.

"Beliau kini menghabiskan cuti-cutinnya di sini," kata sumber-sumber itu sambil memberitahu Mohammed Khusrin "naik pangkat".

Difahamkan, kekosongannya kerusi panas itu akan diisi pada 6 Januari depan.

Bagaimanapun, sumber enggan menjelaskan lanjut perkara itu.

Sebelum ini, nama beliau menjadi terkenal selepas JAIS menahan bekas mufti Perlis Dr Mohd Asri Zainul Abidin pada 1 November 2009 atas alasan mengajar tanpa tauliah.

Isu itu berpanjangan apabila, tindakan itu dan isu pentauliahkan mengundang kritikan beberapa wakil rakyat Pakatan Rakyat seperti Khalid Samad (Shah Alam), Zuraida Kamaruddin (Ampang) dan Shaari Sungip (Hulu Kelang).

Ketegangan terus berterusan dan merebak dalam isu lain, seperti dalam 'upacara telan air ludah ustaz' yang didakwa Dr Mohd Asri berlaku di sebuah masjid di negeri itu.

Belum pun reda, timbul pula isu ahli parlimen bukan Islam Teo Nie Ching daripada DAP yang memasuki sebuah surau di Kajang.

Isu yang mendapat perhatian istana Selangor itu bermula apabila Utusan Malaysia memetik kenyataan Mohammed Khusrin yang dilaporkan berkata, perkara itu tidak harus berlaku kerana orang bukan Islam tidak dibenarkan memasuki masjid dan surau, apatah lagi ruang solat utama kerana mereka dikategorikan seperti wanita yang didatangi haid.

Terbaru, JAIS sedang menguruskan kes kontroversi melibatkan tangkapan besar-besaran pengamal Syiah minggu lalu.